

Doktor yang pandai bertukang

UM 31/10/2003 - 10 PRECISE

Oleh AZNAN BAKAR

MELIHAT jadual harian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ia membayangkan seolah-olah beliau tidak mempunyai masa lapang untuk melakukan perkara yang di luar bidang tugas yang menjadi kegemarannya.

Sebagai Perdana Menteri, jadualnya begitu ketat dengan pelbagai acara sama ada di dalam dan luar negara.

Apa yang rakyat tahu, sekali sekala beliau bercuti bersama keluarga sama ada di dalam atau di luar negara.

Malah Dr. Mahathir memang diketahui tidak melibatkan diri dalam bidang sukan selain bermain ragbi ketika di bangku sekolah.

Satu-satu aktiviti yang beliau lakukan dan diketahui umum ialah minat beliau dalam kegiatan equestrian dan beliau merupakan seorang penunggang kuda yang mahir.

Tentu ramai tidak percaya bahawa di sebalik ketegasan beliau sebagai seorang pemimpin, Dr. Mahathir juga mempunyai kepakaran dalam pertukangan kayu.

Malah kemahiran itu telah dipupuk lama dahulu sebelum beliau menjadi Perdana Menteri.

Selepas menjadi orang nombor satu dalam negara, hobi itu tetap diteruskan. Setiap kali ada kelapangan beliau akan menghabiskan masa dengan melakukan kerja-kerja bertukang di ruang khas di kediaman rasminya.

Tidak hairan jika beliau mempunyai set lengkap untuk aktiviti pertukangan kayu, malah mungkin cukup untuk membuka sebuah bengkel perabot.

Kemahiran dalam pertukangan itu turut diterjemah dengan keupayaan beliau membina beberapa buah sampan terutama ketika beliau 'menganggur' dari politik di awal tahun 70-an.

Ada yang mengatakan bahawa beliau telah menghasilkan enam buah sampan yang digunakan untuk bersiar-siar bersama keluarga.

Minat dan kemahiran itu tetap diteruskan

setelah beliau menjadi Perdana Menteri dan di setiap kelapangan masa akan dihabiskan di bengkel untuk bertukang.

Kemahiran beliau bertukang kayu itu bukan cerita kosong kerana pada tahun 1989 Dr. Mahathir mendapat pengiktirafan antarabangsa dari Worshipful Company of Carpenter di London.

Menurut isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, hiasan dalaman turut menjadi minat Dr. Mahathir dan beliau agak cerewet dalam memilih warna yang sesuai untuk bilik mereka.

Kata Dr. Siti Hasmah, Dr. Mahathir sanggup meluangkan masa semata-mata bagi memastikan bilik dicat dan dihias ikut cita rasa beliau.

"Tidak ada bilik di dalam rumah yang tidak mempunyai bekas tangan beliau," kata Dr. Siti Hasmah dalam buku *Mahathir - A Profile in Courage* karya J. Victor Morais.

Jadi tidak hairanlah jika Dr. Mahathir sentiasa memberikan sentuhan peribadi dalam apa juga projek besar di Malaysia.

Ketelitian Perdana Menteri dan perkara yang berkaitan seni bina itu diakui oleh seorang kakitangan Gerbang Perdana Sdn. Bhd., iaitu syarikat pemaju projek Gerbang Selatan Bersepadu di Johor bahawa Dr. Mahathir pernah menolak reka bentuk Kompleks Kastam dan Kuarantin (CIQ) yang akan dibina dalam projek itu kerana ia dianggap 'biasa' oleh Perdana Menteri.

Dr. Mahathir juga dianggap sebagai arkitek dan perancang dalam menentukan konsep pembinaan pusat pentadbiran kerajaan Putrajaya di mana setiap bangunan yang dibina pasti mempunyai sentuhan beliau.

Semua itu mampu dilakukan kerana asas dan kemahiran beliau dalam kerja-

kerja pertukangan yang dimilikinya.

Dari mana beliau dapat kemahiran itu tidak ada sesiapa yang tahu, tetapi sebagai seorang yang mempunyai latar belakang kampung dan pernah mengalami kehidupan yang sukar, ia tentunya sebahagian daripada ikhtiar hidup di zaman awalnya.

Satu lagi hobi Dr. Mahathir ialah memasak dan apabila beliau di dapur Dr. Siti Hasmah tidak akan masuk campur.

"Malah saya tidak tengok bila dia masak," katanya.

Dr. Mahathir akan

memasak apabila beliau terasa hendak makan sesuatu, walaupun cara memasaknya mudah dan bersahaja tetapi disukai oleh semua ahli keluarga.



MAHATHIR Mohamad telah diberi tunjuk ajar oleh gurunya, Nick Davidson tentang cara-cara melarik kayu.



TENAGA NASIONAL

PESANAN DR. M

TAMADUN dan kemajuan sesuatu bangsa itu tidak pernah dicipta dalam sekelip mata. Ia terpaksa melalui proses yang agak lama dengan beberapa syarat tertentu yang perlu dimiliki oleh sesuatu bangsa itu.

● Majlis pelancaran Operasi Pungut Zakat Secara Korporat pada 8 Mac 1991 di Kuala Lumpur.